

# Persidangan bahasa asing di Melaka

**Persidangan** Antarabangsa Bahasa Asing Malaysia (MICFL) Ke-4 2013 akan diadakan di Melaka, pada 3 hingga 4 Julai depan dan ahli akademik yang berminat membentangkan kertas kerja perlu menyerahkan abstrak sebelum 15 Februari, manakala kertas kerja penuh sebelum 15 Mei.

Persidangan bertemakan Bahasa Asing untuk Tujuan Tertentu: Komunikasi untuk Pembangunan itu, menumpukan tema seperti penggunaan bahasa asing dalam konteks komunikasi, linguistik, metodologi pengajaran, pendekatan moden, perhubungan antara budaya, pembangunan kemahiran berbahasa dan multibahasa. Ia turut mengambil kira bahasa asing dalam bidang pelancongan, perniagaan, layanan, sains dan teknologi, teknologi maklumat dan komputer (ICT), amalan perundangan, keperluan khas, kanak-kanak, perhubungan antarabangsa serta hubungannya dengan Melaka.

MICFL Ke-4 itu bakal bertindak sebagai forum antarabangsa untuk bertukar pandangan mengenai peranan bahasa asing dalam pelbagai bidang yang berkaitan dengan kemajuan pada abad ke-21.

Ia akan membuka perbincangan antara pentadbir, pengkaji, ahli akademik dan pengamal bahasa asing dalam mencapai kata sepakat mengenai peranan dan penggunaannya dalam konteks dunia akademik dan ekonomi selaras dengan globalisasi.

## Kongsi inovasi terbaru

Persidangan anjuran Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK), Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Melaka dan Tourism Melaka itu, juga akan mempromosi penyelidikan dan pembangunan (R&D) bahasa dan sastera, selain hubungan antarabangsa dan kebudayaan asing.

Ia turut boleh dijadikan platform kepada peserta untuk berkongsi inovasi terbaru dalam metodologi pengajaran dan pembelajaran bahasa asing serta sastera dan kebudayaannya.

Yuran yang dikenakan kepada peserta tempatan ialah RM500 atau RM400 untuk yang berdaftar sebelum 1 April dan pelajar (RM100), manakala maklumat lanjut hubungi Mohd Zulkifli Ismail ditalian 03-89468723; Mardewee Endut (03-89468666); Eriko Yamato (03-89468676); faks (03-89468666); e-mel ([micfl2013@gmail.com](mailto:micfl2013@gmail.com)) atau lawati laman web [www.micfl2013.upm.edu.my](http://micfl2013.upm.edu.my)